

BAB 2

SISTEM EKONOMI KONVENTSIONAL DAN SISTEM EKONOMI ISLAM

2.0) PENDAHULUAN

Terdapat pelbagai sistem ekonomi di dunia. Setiap negara mengamalkan sistem ekonomi yang sesuai bagi negara masing masing. Pada millennium kedua ketamadunan, barat telah memperkenalkan dua doktrin ekonomi yang berteraskan Kapitalisme dan Komunisme bagi menggantikan doktrin ekonomi Islam yang amat terkenal satu ketika dahulu. Ketidaksungguhan pengamal ekonomi Islam mempraktikkan doktrin ekonomi Islam sebenarnya telah menjatuhkan sistem itu yang sebelum ini pernah menjadi pemangkin kepada kemajuan ekonomi dunia. Sebaliknya, barat mempertahankan dasar doktrin ekonomi yang diperkenalkannya sebagai sistem ekonomi yang efektif bagi menggantikan sistem ekonomi dunia yang lain termasuk sistem ekonomi Islam.

Namun, akhirnya sistem ekonomi Komunisme telah mengalami kegagalan sebagai satu sistem ekonomi yang terbaik kerana telah melahirkan kekejaman yang membawa kepada penderitaan, kemiskinan, dan kebuluran yang berpanjangan. Situasi ini akhirnya meletakkan sistem ekonomi Kapitalisme sebagai sistem ekonomi yang terbaik, dominan serta diterima di kebanyakan negara. Namun, pada penghujung Millenium Kedua, didapati sistem ekonomi Kapitalisme juga memiliki kelemahan di mana sistem ini melahirkan makroekonomi yang membawa kepada ketidakseimbangan kepada defisit

imbangan, inflasi, tanggungan hutang, pengangguran, kemiskinan, kelaparan dan ketidakadilan dalam agihan kekayaan dan pendapatan.

Malah, kelemahan sistem ini juga dipercayai sebagai punca kepada berlakunya krisis kewangan Asia baru-baru ini. Lanjutan daripada itu, masyarakat dunia giat mencari alternatif baru bagi mengelakkan tercetusnya krisis baru ekonomi yang lebih bahaya selepas ini. Pada waktu ini, masyarakat dunia mula melihat dan menilai kelebihan yang ada pada sistem ekonomi Islam. oleh itu, sekiranya ekonomi Islam ditonjolkan secara ilmiah dan pragmatik, mustahil ia akan diabaikan oleh golongan yang profesional dan rasional.

2.1) SISTEM EKONOMI KONVENTSIONAL

2.1.1) DEFINISI EKONOMI KONVENTSIONAL

Mengikut pandangan barat, ilmu ekonomi adalah satu keperluan memandangkan wujudnya masalah kekurangan relatif yang dihadapi oleh individu dan masyarakat berikutan keinginan untuk memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas sedangkan faktor-faktor pengeluaran adalah terbatas. Oleh itu, L. Robbins pada tahun 1935 telah mendefinisikan ekonomi sebagai sains kekurangan dan pemilihan (*science of scarcity and choice*). Menurut beliau ekonomi adalah ‘sains yang mengkaji kelakuan manusia sebagai perhubungan di antara matlamat yang tidak terhad dan sumber-sumber yang kekurangan tetapi mempunyai banyak kegunaan alternatif’. Malah, Samuelson (1998) dalam

bukunya ‘*Economics*’ juga menegaskan jika sumber-sumber tidak kekurangan maka tidak perlulah kita belajar ekonomi¹.

Fenomena inilah yang mewujudkan persaingan dalam ekonomi sama ada melibatkan sesebuah negara dengan negara yang lain atau antara individu itu sendiri. Atas sebab itu, wujud satu keperluan untuk mengurus ekonomi dengan cekap dan efektif menurut sistem ekonomi konvensional agar masyarakat atau sesebuah negara itu dapat memaksimumkan pencapaian kegiatan ekonominya.

2.1.2) EKONOMI KAPITALISME

Dalam sistem ekonomi konvensional, sistem ekonomi kapitalisme merupakan sistem ekonomi yang paling popular di kalangan negara di dunia termasuklah negara Amerika Syarikat yang telah lama mencapai status negara maju. Sistem ini kemudiannya berkembang ke negara membangun akibat kolonialisme negara-negara barat ke atas negara- negara membangun seperti di Afrika, Asia,, Amerika Latin dan Afrika Selatan. Era kapitalisme semakin berkembang hasil kebergantungan yang tinggi terhadap pelaburan asing untuk menggerakkan aktiviti ekonomi negara. Akhirnya, Kapitalisme telah berjaya mempengaruhi trend, aliran perkembangan dan perubahan ekonomi, perkembangan institusi kewangan, keanjalan dan ketidakstabilan nilai tukaran mata wang yang dihadapi oleh negara negara- membangun.

Secara teoritik, ekonomi Kapitalisme pada dasarnya bersumberkan pada pandangan ekonomi Klasik terutama ajaran Adam Smith² yang dimuatkan dalam

¹ Radiah Abdul Kader, *Ekonomi Islam*, Univision Press Sdn.Bhd, Kuala Lumpur, 2001, hlmn: 1

karya Wealth of Nation (1776). Umumnya falsafah penganut ekonomi klasik, ini dibina atas dasar falsafah ekonomi liberalisme yang berpegang kepada tiga dasar iaitu³:

- a) Kebebasan individu (*personal liberty*)
- b) Pemilikan peribadi (*private property*)
- c) Perusahaan swasta (*private enterprise*)

Jika diteliti, Kapitalisme percaya kepada *Laissez-Faire* iaitu kebebasan dalam menjalankan aktiviti ekonomi tanpa campur tangan kerajaan atau campur tangan yang minimum. Ia juga percaya kepada amalan ekonomi pasaran yang membenarkan wujudnya persaingan sempurna dan percaya bahawa ekonomi boleh capai guna tenaga penuh secara sendiri melalui penyesuaian yang dilakukan oleh pasaran tanpa campur tangan kerajaan. Malah, amalan Kapitalisme berpegang kepada konsep memenuhi kepentingan individu bererti memenuhi kepentingan masyarakat. Selain itu, ekonomi pasaran menitikberatkan aktiviti industri dan percaya kepada konsep ‘*supply creates its own demand*’.

Dalam sistem ekonomi ini, dipercayai kehendak manusia adalah tidak terhad sedangkan sumber-sumber⁴ ekonomi adalah terhad. Ini bermakna kehendak yang tidak terbatas terpaksa berhadapan dengan keadaan alam yang memiliki sumber yang terhad. Oleh itu, manusia perlu membuat pilihan dalam menghadapi masalah kekurangan ini. Di sini, timbul konsep untuk memaksimumkan kepuasan hasil penggunaan barang dan memaksimumkan

² Selain Adam Smith sebagai tokoh perintis pandangan ekonomi klasik, terdapat juga pemikir lain seperti David Ricardo, James Mill, Jeremy Bentham, Thomas Robert Malt dan J.B Say

³ Dr. Mansour Fakih, Runtuhnya Teori Pembangunan dan Globalisasi , Pustaka Pelajar, 2002, hlmn: 46

⁴ Sumber-sumber terdiri daripada sumber asli, modal, tenaga buruh, dan pengusaha

keuntungan melalui pengoptimuman sumber ekonomi untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan. Dalam sistem ini juga, sumber ekonomi dimiliki oleh individu dan individu tersebut bebas untuk menentukan cara-cara penggunaan sumber yang dimilikinya. Malah, keputusan ekonomi adalah semata-mata berdasarkan kepada kuasa permintaan dan penawaran di pasaran tanpa campur tangan kerajaan. Ini bermakna sistem ini ditentukan oleh mekanisme pasar.

2.1.3) PASARAN KEWANGAN

Pasaran kewangan merupakan pasaran yang berperanan sebagai penyalur sumber dana dari unit lebihan kepada unit defisit dalam ekonomi. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia telah mengklasifikasi pasaran kewangan kepada empat kategori iaitu⁵:-

- **Pasaran modal**

Pasaran jenis ini adalah pasaran untuk memperoleh dana jangka panjang yang terdiri daripada dua jenis pasaran iaitu pasaran saham dan pasaran bon. Pasaran saham menyediakan syarikat-syarikat saluran untuk memperoleh dana dengan cara menerbitkan saham. Manakala pasaran bon pula merupakan pasaran yang mana kedua-dua sektor swasta dan awam boleh mendapatkan dana melalui penerbitan sekuriti hutang swasta atau PDS dan sekuriti kerajaan.

- **Pasaran wang dan Tukaran asing**

Pasaran wang merupakan satu pasaran yang bertindak sebagai penyalur dana jangka pendek yang bertempoh matang tidak melebihi dua belas bulan.

⁵ Bank Negara Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1999, hlmn:78-81

Selain itu, ia juga menyediakan saluran pelaburan jangka pendek bagi peserta yang mempunyai lebihan dana sementara. Manakala, pasaran tukaran asing pula lebih merupakan pasaran untuk dagangan mata wang asing dengan ringgit atau dengan mata wang asing yang lain. Dalam pasaran tukaran asing, mata wang asing diurusagakan bagi mendapatkan aset dalam mata wang asing yang lain. Ini menyebabkan aset pelabur tempatan yang dinyatakan dalam mata wang tempatan perlu ditukarkan kepada mata wang yang berkaitan sebelum dapat dilaburkan dalam pasaran negara berkenaan.

- **Pasaran Derivatif**

Pasaran derivatif adalah pasaran untuk instrumen dagangan yang memberi tuntutan kontijen ke atas harta asas bagi instrumen tersebut di mana nilai instrumen tersebut bergantung kepada harga harta atau sekuriti asas berkenaan. Pasaran ini bertanggungjawab melindungi pelabur daripada turun naik harga harta asas walaupun ia boleh mencipta keuntungan modal melalui kegiatan spekulasi.

- **Pasaran luar pesisir**

Pasaran ini telah menjadi aset baru kepada lanskap kewangan negara melalui penubuhan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan (Labuan IOFC) pada bulan Oktober 1990. Ia berperanan meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai pusat kewangan serantau. Pasaran ini menyediakan pelbagai produk luar pesisir termasuk perkhidmatan perbankan, insurans dan aktiviti berkaitan dengan insurans, perniagaan amanah, pengurusan dana, pemegangan pelaburan, pembiayaan secara Islam dan pengurusan syarikat.

Bagi negara membangun, kecekapan dalam pengurusan pasaran kewangan adalah penting dalam pengukuhan dan pertumbuhan ekonomi. Ini kerana, pasaran kewangan berfungsi dalam menggerak sumber dana yang mengalir di dalam sistem kewangan agar ia tidak tinggal terbiar sebagai baki yang tidak mendatangkan untung. Pasaran kewangan yang efisyen berupaya mengoptimumkan penggunaan sumber dana dalam ekonomi dan menjadi perintis kepada pelabur untuk mengaut keuntungan yang besar dalam urusniaga yang dijalankan. Ini selari dengan matlamat utama pelabur iaitu meraih keuntungan sama ada dalam bentuk kenaikan modal, faedah tabungan atau keuntungan daripada tukaran mata wang asing.

2.1.4)TAKRIF DAN FUNGSI WANG

Sebelum kemunculan sistem ekonomi wang, aktiviti perdagangan lebih bersifat sistem ekonomi barter iaitu kegiatan pertukaran barang dengan barang dalam aktiviti perdagangannya dan bersifat sangat sederhana⁶. Namun, disebabkan pertumbuhan ekonomi yang semakin berkembang luas, wang akhirnya dicipta bagi memudahkan urus niaga perdagangan dan pertukaran. Wang boleh ditakrifkan sebagai benda-benda yang dipersetujui⁷ oleh masyarakat sebagai alat perantaraan untuk menjalankan kegiatan pertukaran/perdagangan. Wang yang dipersetujui penggunaannya oleh masyarakat haruslah memenuhi syarat-syarat

⁶ Sadono Sukirno, Mohamed Aslam Gulam Hassan, Makroekonomi: Teori, masalah dan dasar keajaan, Prentice Hall,2001, hlmn: 173.

⁷ Dipersetujui ialah adanya kata sepakat di antara anggota masyarakat untuk menggunakan satu atau beberapa benda sebagai alat perantaraan dalam kegiatan pertukaran.

tertentu seperti nilainya tidak mengalami perubahan dari masa ke semasa, mudah dibawa, mudah disimpan tanpa mengurangkan nilainya, jumlahnya tidak berlebihan dan bendanya mempunyai mutu yang sama.

Pada satu ketika dahulu, emas dan perak merupakan dua benda yang dapat memenuhi syarat-syarat di atas, lalu diterima sebagai wang dalam melakukan aktiviti perdagangan. Tetapi, disebabkan peluasan ekonomi sesebuah negara, wang kertas telah dicipta untuk memudahkan transaksi dalam perdagangan. Walaubagaimana pun, wang kertas juga mempunyai kelemahannya yang tersendiri iaitu kecenderungan untuk nilai wang jatuh dalam jangka panjang. Nilai wang adalah keupayaan sesuatu mata wang untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan. Apabila seunit mata wang dapat memperolehi lebih banyak barang dari sesuatu mata wang yang lain, mata wang itu dipandang sebagai bernilai tinggi.

Seperti benda lain, wang juga mempunyai fungsinya yang tersendiri iaitu:-

- **Wang sebagai alat perantaraan pertukaran** - untuk memudahkan transaksi perdagangan kerana ia tidak memerlukan ‘kehendak berganda selaras’⁸ atau ‘double coincidence of want’ seperti yang diperlukan dalam sistem ekonomi barter.
- **Wang sebagai ukuran nilai**⁹ - untuk memudahkan nilai sesuatu barang dinyatakan atau dengan mudah perbandingan antara nilai sesuatu barang dengan barang lain dapat dilakukan.

⁸ Kehendak berganda selaras adalah keadaan di mana setiap pihak yang ingin melakukan pertukaran mesti memiliki barang yang diperlukan oleh pihak lain.

⁹ Ukuran nilai adalah satu alat yang menentukanberapa besarnya nilai dari pelbagai jenis barang

- **Wang sebagai alat pembayaran tertunda** - bermakna para pembeli memperolehi barangannya terlebih dahulu dan membayarnya pada masa hadapan. Walaubagaimana pun, nilai wang yang digunakan haruslah stabil. Nilai wang yang dikatakan stabil ialah apabila sejumlah wang yang dibelanjakan akan tetap memperolehi barangan yang sama banyak dan sama mutunya dari masa ke semasa¹⁰.
- **Wang sebagai alat penyimpan nilai** - memungkinkankekayaan seseorang disimpan dalam bentuk wang. Dengan harga barang yang stabil, adalah lebih baik menyimpan kekayaan dalam bentuk wang daripada menyimpannya dalam bentuk barang. Namun, apabila harga barang tidak stabil, nilai wang akan mengalami kemerosotan. Dalam situasi ini, adalah lebih baik menyimpan kekayaan dalam bentuk barang.

2.1.5) PERMINTAAN DAN PENAWARAN WANG

Dalam analisis Keynes, masyarakat memegang wang untuk memenuhi tiga tujuan¹¹ iaitu:-

- **Permintaan wang untuk urus niaga** - wang diminta sebagai bayaran kepada urus niaga yang dijalankan. Dalam hal ini, wang diperlukan bagi pembelian barang-barang yang diperlukan dalam

¹⁰ Sadono Sukirno, Mohamed Aslam Gulam Hassan, Makroekonomi: teori, masalah dan dasar kerajaan, Prentice Hall, 2001, hlmn:178

¹¹Ibid, hlmn: 216

kegiatan ekonominya. Ini dapat melicinkan proses urus niaga yang berlaku.

- **Permintaan wang untuk awasan** - wang juga diminta oleh masyarakat untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku pada masa hadapan yang kita tidak tahu apa kesan dan akibatnya.
- **Permintaan wang untuk spekulasi** - dalam situasi ini, masyarakat akan memilih sama ada memegang wang secara tunai atau menggunakan wang untuk membeli surat-surat jaminan. Pilihan masyarakat bergantung kepada sejauh mana tingkat pendapatan yang akan diperolehi melalui pemilikan surat-surat jaminan tersebut.

Sementara itu, di Malaysia, aktiviti penawaran wang ditentukan oleh kerajaan dan sistem bank. Kerajaan berperanan dalam menentukan sejumlah wang yang harus di tawarkan iaitu menentukan berapa banyak wang harus beredar di pasaran. Selain itu, penawaran wang juga ditentukan oleh sistem bank melalui penciptaan kredit hasil daripada simpanan semasa pemiliknya atau pun dengan pinjaman.

2.1.6) MATA WANG DALAM EDARAN DAN BEKALAN WANG

Dalam ekonomi kewangan, terdapat perbezaan antara bekalan wang dan mata wang dalam edaran. Mata wang dalam edaran boleh ditakrifkan sebagai sejumlah mata wang yang telah dikeluarkan dan diedarkan oleh Bank Pusat dalam dua bentuk iaitu duit syiling dan kertas. Sementara, bekalan wang pula merujuk kepada semua jenis wang yang terdapat dalam ekonomi iaitu jumlah dari mata wang dalam edaran ditambah dengan simpanan semasa di bank-bank perdagangan¹².

Definisi bekalan wang boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu definisi sempit dan luas. Definisi sempit menggambarkan wang yang beredar adalah mata wang dalam edaran ditambah dengan simpanan semasa yang dimiliki oleh orang perseorangan, syarikat-syarikat dan badan kerajaan yang dikenali M1 dalam ekonomi. Bagi definisi luas, wang beredar meliputi mata wang dalam edaran, simpanan semasa dan wang kuasi¹³ yang dikenali sebagai M2 atau penawaran wang (rujuk Jadual 1). Manakala, bekalan wang M3 meliputi wang M2 ditambah dengan deposit¹⁴ yang disimpan dengan institusi perbankan yang lain.

Dalam ekonomi, wang dilihat sebagai kekayaan mudah tunai yang paling sempurna. Nilai kekayaan mudah tunai yang dimiliki oleh masyarakat ini perlu

¹² Ibid, hlmn: 198

¹³ Wang kuasi terdiri daripada simpanan tetap, simpanan tabungan dan simpanan mata wang asing milik syarikat swasta tempatan di bank perdagangan.

¹⁴ Deposit jenis ini merujuk kepada jumlah simpanan tetap dan tabungan IDB, Repo dan deposit mata wang asing yang disimpan oleh sector swasta bukan bank dengan bank saudagar, syarikat kewangan, syarikat diskau dan Bank Islam (tidak termasuk simpanan antara institusi tersebut)

dititikberatkan memandangkan ia berupaya mencerminkan sejauh mana masyarakat dapat mencipta perbelanjaan aggregat atau ia juga menggambarkan had kuasa beli yang dimiliki oleh masyarakat dalam sesebuah negara.

Jadual 1
Penawaran Wang Di Malaysia (dalam RM Juta)

Tahun	Bekalan Wang M1			Bekalan Wang M2		Bekalan Wang M3	
	Jumlah	Mata wang dalam edaran	Deposit permintaan	Jumlah	Separawang	Jumlah	Deposit bukan dibank perdagangan
1980	9761	4758	5004	27992	18230	32688	4696
1981	11015	5100	5915	32773	21758	38052	5279
1982	12477	5727	6750	37900	25423	44358	6458
1983	13432	6025	7407	42264	28832	51706	9442
1984	13357	5974	7382	47733	34377	59773	12039
1985	13579	6220	7359	50412	36833	65608	15196
1986	13957	6581	7377	56097	42140	71400	15303
1987	15768	7358	8410	59772	44004	74892	15120
1988	17840	8377	9463	64072	46232	80988	16916
1989	21249	9174	12075	74393	53144	97668	23276
1990	24241	10059	14181	83903	59662	115436	31533
1991	26903	11045	15859	96093	69190	133121	37028
1992	30395	12142	18253	114481	84086	159178	44697
1993	41792	13534	28259	139800	98008	196611	56811
1994	46471	15922	30549	160366	113895	222330	61964
1995	51924	17479	34445	198873	146949	271948	73075
1996	60585	19031	41554	238209	177623	329708	91499
1997	63365	21434	41931	292217	228852	390809	98592
1998	54135	18246	35889	296472	242337	401459	104987
1999	73447	24780	48667	337138	263691	434590	97452
2000	78216	22263	55954	354702	276486	456496	101794
2001	80728	22148	58580	362512	281783	469519	107007
2002	89072	23897	65175	383542	294470	501125	117583

Sumber: Bank Negara Malaysia, Buletin Perangkaan Bulanan, Oktober 2003

Jadual 1 menggambarkan jumlah keseluruhan penawaran wang di Malaysia. Secara rambang, jumlah penawaran wang telah meningkat setiap tahun dalam tempoh 1980-2002. Hanya pada tempoh krisis iaitu tahun 1998, jumlah penawaran wang M1 menurun agar ia selari dengan matlamat kerajaan untuk mengurangkan jumlah Ringgit di pasaran bagi mengelakkan aktiviti spekulasi

yang keterlaluan ke atas Ringgit. Selepas kerajaan melaksanakan kadar tukaran mata wang terpilih, Ringgit kembali stabil dan jumlah keseluruhan penawaran wang kembali meningkat setiap tahun.

2.1.7) INSTITUSI KEWANGAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, institusi kewangan dapat dibezakan kepada tiga golongan iaitu sistem bank, institusi kewangan bukan bank dan institusi pengantara kewangan bukan bank.

2.1.7.1) Sistem Bank

Sistem bank di Malaysia boleh dikelaskan kepada dua iaitu:

2.1.7.1.1) *Bank Pusat*

Bank Pusat ialah sebuah bank yang diberi tugas oleh kerajaan untuk mengatur dan mengawasi kegiatan institusi kewangan yang terdapat dalam negara. Di Malaysia, Bank Pusat ditugaskan oleh kerajaan untuk melaksanakan beberapa fungsi tertentu iaitu merangkumi:-

- Bertindak sebagai bank kepada kerajaan***

Bank Pusat bertanggungjawab mengurus perbelanjaan dan pelbagai jenis pendapatan kerajaan seperti pendapatan dari cukai pendapatan, cukai jualan dan cukai import setiap hari. Selain itu, ia juga bertindak sebagai badan kewangan yang menyimpan wang yang dimiliki oleh kerajaan dan juga membuat

pembayaran serta mengirimkan wang kepada kerajaan negeri dan jabatan kerajaan yang lain. Bank Pusat juga merupakan sumber pertama pinjaman kerajaan apabila kerajaan berbelanja melebihi pendapatannya. Walaubagaimana pun, pinjaman langsung dari Bank Pusat akan dihadkan jumlahnya pada kuantiti tertentu bagi mengelakkan inflasi akibat percetakan wang yang banyak untuk memberi pinjaman kepada kerajaan.

- ***Bertindak sebagai jurubank kepada bank perdagangan***

Bank Pusat juga selalu disebut sebagai ‘bank kepada bank’¹⁵ dan ‘sumber pinjaman terakhir’¹⁶. Bank-bank perdagangan di Malaysia diwajibkan menyimpan sebahagian daripada tabungan pelanggan yang diterimanya sebagai cadangan di Bank Pusat bagi membolehkan bank perdagangan meminjam dari Bank Pusat apabila bank perdagangan itu mengalami kekurangan cadangan. Selain dari itu, Bank Pusat juga boleh membeli surat jaminan daripada bank perdagangan yang memerlukan bantuan kewangan darinya.

- ***Mengawasi kegiatan bank perdagangan dan institusi kewangan***

Bank perdagangan merupakan satu bentuk perusahaan yang bermotifkan keuntungan dalam menjalankan urus niaganya. Institusi ini menggalakkan masyarakat menyimpan wang di dalam bank mereka dan kemudian meminjamkan pula wang tersebut kepada pihak lain bagi mencipta modal dalam pasaran. Namun, jika urus niaga ini dijalankan tanpa kawalan yang cekap oleh institusi

¹⁵ ‘bank kepada bank’ bermaksud Bank Pusat adalah bank kepada bank-bank perdagangan

¹⁶ ‘sumber pinjaman terakhir’ bermaksud dalam keadaan di mana bank perdagangan tidak dapat memperolehi wang tunai untuk memperbaiki keadaan mudah tunai atau kecairannya, Bank Pusat akan bertindak sebagai institusi yang akan menyediakan wang tunai yang diperlukan.

kewangan tersebut, akan timbul kesan buruk ke atas ekonomi dan masyarakat seperti inflasi.

Nilai pemberian pinjaman yang terlalu banyak akan menyebabkan wang yang ditinggalkan sebagai kecairan semakin berkurangan. Ia akan menjadi masalah serius apabila masyarakat ingin mengeluarkan wang yang banyak dari institusi kewangan, tetapi institusi tersebut tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membuat pembayaran tersebut. Fenomena ini akan menghilangkan kepercayaan masyarakat terhadap bank dalam pengurusan aset kewangan mereka. Oleh sebab itu, dalam usaha untuk menstabilkan dan menjamin pembangunan ekonomi yang mampan dan berterusan, Bank Pusat diberi kuasa oleh kerajaan untuk mengawasi dan memberi petunjuk-petunjuk kepada institusi kewangan dalam menguruskan perusahaannya. Malah, Bank Pusat juga bertanggungjawab dalam membentuk peraturan dan dasar seperti dasar kewangan.

- *Mengawasi kegiatan perdagangan antarabangsa*

Bagi mencipta kestabilan ekonomi yang berlanjutan, Bank Pusat bertanggungjawab mempertahankan kestabilan nilai pertukaran mata wang asing. Untuk itu, Bank Pusat mesti mengekalkan keseimbangan dalam aliran masuk modal dan aliran keluar modal di samping memastikan bank mempunyai cukup cadangan mata wang asing yang boleh digunakan untuk membiayai pembayaran wang asing ke negara lain.

- ***Mencetak wang***

Bank Pusat merupakan bank tunggal yang diberikan kuasa oleh kerajaan untuk mencetak sejumlah wang yang diperlukan dalam perekonomian negara. Wang yang mencukupi dalam pasaran adalah penting bagi melicinkan kegiatan perdagangan dan pengeluaran dalam ekonomi. Oleh itu, Bank Pusat berperanan dalam menyediakan jumlah wang yang diperlukan pada masa tertentu dan menentukan pertambahan jumlah wang yang diperlukan dalam ekonomi sesebuah negara.

2.1.7.1.2) Bank Perdagangan

Bank perdagangan merupakan institusi kewangan yang terpenting dalam sesebuah ekonomi. Akta Bank 1973 mendefinisikan bank sebagai ‘mana-mana orang yang melakukan perniagaan bank’, iaitu ‘ perniagaan yang menerima wang dalam bentuk akaun semasa atau akaun simpanan, membayar dan memungut cek-cek yang dikeluarkan atau dibayar oleh pelanggan-pelanggan dan memberikan pendahuluan kepada pelanggan dan termasuk perniagaan lain yang seumpamanya seperti yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia’¹⁷. Kebiasaannya, bank perdagangan menerima simpanan semasa, simpanan tetap dan simpanan tabungan. Salah satu ciri istimewa bank perdagangan adalah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan cek melalui simpanan semasa dan ciri ini tidak ada pada institusi kewangan yang lain.

¹⁷ Sadono Sukirno, Mohamed Aslam Gulam Hassan, Makroekonomi: Teori, Masalah Dan Dasar Kerajaan, Prentice Hall, 2001, hlmn: 186

2.1.7.2) Institusi Kewangan Bukan Bank

Tiga institusi kewangan bukan bank yang utama di Malaysia ialah syarikat kewangan, bank saudagar dan rumah diskaun. Di Malaysia, syarikat kewangan merupakan kumpulan institusi kewangan pengumpulan simpanan yang kedua terbesar di negara ini. Selain itu, ia juga memberi pinjaman kepada entiti perniagaan yang mengalami masalah kekurangan modal. Badan kewangan ini kebiasaannya mengenakan kadar faedah yang tinggi ke atas pinjaman yang diberikan kepada pelanggannya. Selain itu, bank saudagar ditubuhkan berikutan peningkatan dalam keperluan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan seperti pembiayaan syarikat, perkhidmatan nasihat pelaburan dan pengurusan kewangan serta pengurusan portfolio pelaburan termasuk perkhidmatan untuk menyusun semula hak milik dan pemodenan pengurusan kewangan dalam sektor syarikat. Sementara syarikat diskaun pula ditubuhkan khas untuk operasi pasaran wang jangka pendek yang berperanan dalam mendapatkan lebihan dana atau keuntungan jangka pendek dalam pasaran wang.

2.1.7.3.) Institusi Pengantara Kewangan Bukan Bank

Terdapat pelbagai jenis institusi kewangan yang digolongkan dalam kumpulan ini. Antaranya ialah Institusi Pembiayaan Pembangunan, Syarikat koperasi, Institusi Tabungan, Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen dan Syarikat Insurans. Di Malaysia, Institusi Pembiayaan Pembangunan meliputi Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF), Bank

Pembangunan Malaysia, Bank Industri Malaysia, Bank Pertanian Malaysia dan Bank Eksport-Import. Sementara itu, Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru (KWSG), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Tabung Angkatan Tentera dan lain-lain lagi. Selain itu, di Malaysia Institusi Tabungan yang utama ialah Bank Simpanan Nasional. Syarikat Koperasi ditubuhkan bagi menyatukan sumber-sumber pengguna atau pengeluar bagi memenuhi matlamat bersama. Bank Rakyat dan Bank Pusat Kerjasama adalah syarikat koperasi kredit yang terbesar di kalangan koperasi di Malaysia.

Rajah 1
Senarai Institusi Perbankan

Bank Perdagangan	Syarikat Kewangan	Bank Saudagar
1) ABN Amro Bank Berhad 2) Affin Bank Berhad 3) Alliance Bank Malaysia Berhad 4) AmBank Berhad 5) Bangkok Bank Berhad 6) Bumiputera-Commerce Bank Berhad 7) Bank of Amerika Malaysia Berhad 8) Bank of China (Malaysia) Berhad 9) Bank of Tokyo-Mitsubishi (Malaysia) Berhad 10) Citibank Berhad 11) Deutsche Bank (Malaysia) Berhad 12) EON Bank Berhad 13) Hong Leong Bank Berhad 14) HSBC Bank Malaysia Berhad 15) J.P.Morgan Chase Bank Berhad 16) Malayan Banking Berhad 17) OCBC Bank (Malaysia) Berhad 18) Public Bank Berhad 19) RHB Bank Berhad 20) Southern Bank Berhad 21) Standard Chartered Bank Malaysia Berhad 22) The Bank of Nova Scotia Berhad 23) United Overseas Bank (Malaysia) Berhad 24) Bank Islam Malaysia Berhad 25) Bank Muamalat Malaysia Berhad	1) Alliance Finance Berhad 2) AmFinance Berhad 3) Affin-ACF Finance Berhad 4) Bumiputera-Commerce Finance Berhad. 5) RHB-Delta Finance Berhad 6) EON Finance Berhad 7) Hong Leong Finance Berhad 8) Kewangan Bersatu Berhad 9) Mayban Finance Berhad 10) Public Finance Berhad 11) Southern Finance Berhad	1) Affin Merchant Bank Berhad 2) Aliiance Merchant Bank Berhad. 3) AmMerchant Bank Berhad 4) Aseambankers Malaysia Berhad 5) Commerce International Merchant Bankers Berhad 6) Malaysian International Merchant Bankers Berhad 7) Southern Investment Bank Berhad 8) Public Merchant Bank Berhad 9) RHB Sakura Merchant Bnakers Berhad 10) Utama Mercahnt Bank Berhad

Sumber: Bank Negara Malaysia, Buletin Perangkaan Bulanan, Oktober 2003
Nota : Senarai Institusi Perbankan Pada 31 Oktober 2003

2.1.8) PASARAN WANG DI MALAYSIA

2.1.8.1) Takrif dan Konsep Pasaran Wang

Pasaran wang tempatan merupakan sebuah pasaran bagi kredit jangka pendek dan sederhana yang berkualiti tinggi dan mudah diniagakan. Oleh itu, pasaran wang merupakan satu pasaran bagi urusniaga aset kewangan yang membabitkan pemindahan dana dari pihak yang mempunyai lebihan dana kepada pihak yang mengalami defisit dana¹⁸. Pasaran wang bertindak sebagai pengantara bagi mereka yang memerlukan sumber dana dan bagi mereka yang mempunyai lebihan dana yang ingin melaburkan dana tersebut dalam bentuk palaburan yang selamat. Komoditi yang dipasarkan dalam pasaran ini melibatkan alat kewangan seperti bil perpendaharaan, sekuriti kerajaan, sijil pelaburan, bon cagamas, sijil deposit boleh niaga, penerimaan juru bank dan perjanjian pembelian semula. Kebiasaannya, tempoh matang bagi komoditi alat kewangan yang dipasarkan adalah kurang dari satu tahun. Oleh itu, pasaran ini juga dikenali sebagai pasaran mudah tunai dan urusniaga adalah dalam bentuk pasar borong kerana ia melibatkan jumlah pinjaman yang besar.

Terdapat tiga faktor utama yang mendorong kewujudan pasaran wang iaitu¹⁹:

- Ketidakseimbangan aliran keluar-masuk tunai – pasaran menutupi kekurangan tunai melalui pinjaman jangka pendek apabila perbelanjaan semasa melebihi penerimaan; dan menyediakan

¹⁸ Abd. Ghafar Ismail, Pasaran wang: Alat, Peranan Institusi, Dasar Kewangan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991, hlmn: 12

¹⁹ Ibid: 14-15

saluran pelaburan untuk memperolehi keuntungan kadar bunga bagi unit yang mempunyai penerimaan melebihi perbelanjaan.

- Wujudnya kegiatan pinjaman wang dalam pasaran antara bank. Lebihan tunai diurusniagakan antara bank dalam pasaran ini.
- Ketidakstabilan nilai wang berbanding dengan komoditi lain. Pemegangan wang tunai yang banyak adalah tidak menguntungkan kerana pemegang terpaksa menghadapi kos melepas dalam bentuk pendapatan faedah yang dilepaskan. Atas sebab itu, unit ekonomi secara rasionalnya akan melaburkan lebihan dananya dalam pasaran wang.

2.1.8.2) Ciri-ciri dan Fungsi Pasaran Wang

Pasaran wang mempunyai cirinya yang tersendiri yang membezakannya dengan pasaran kewangan yang lain. Ia merupakan satu pasaran yang melibatkan satu kumpulan pasaran bagi pelbagai jenis aset kewangan yang berlainan dan bukan hanya terdiri dari sebuah pasaran sahaja. Satu aspek penting pasaran ini yang perlu ditekankan ialah kepercayaan dan keyakinan. Ini berikutan kebanyakan urusniaga dalam pasaran wang dijalankan berdasarkan pinjaman tanpa cagaran. Oleh sebab itu, kedudukan kewangan peserta pasaran wang mestilah mempunyai integriti dan kebolehpercayaan yang tidak dapat diragukan.

Selain itu, pasaran wang bersifat pasar borong berikutan nilai pinjaman adalah dalam kuantiti yang besar. Pasaran wang juga merupakan pasaran mudah

tunai iaitu satu keadaan di mana sesuatu aset dapat ditukarkan kepada tunai dalam jangka pendek. Sebab itulah, perubahan kadar bunga memberi impak yang kecil ke atas harganya kerana nilainya dalam tempoh matang didiskaunkan dalam tempoh yang pendek sahaja. Umumnya, pasaran wang mempunyai fungsi-fungsi seperti berikut²⁰:

- Menyediakan peluang pelaburan yang besar dalam pelbagai bentuk kepada semua pelaku pasaran
- Memastikan keadaan mudah tunai dalam sistem kewangan sentiasa stabil melalui penyaluran sumber dana secara berterusan.
- Menyediakan satu asas yang kukuh bagi kerajaan untuk merangka satu dasar yang melibatkan sistem kewangan negara.

2.1.8.3) Operasi Pasaran Wang

Operasi pasaran wang boleh dikelaskan kepada dua bentuk yang utama iaitu²¹:

- **Urusniaga secara langsung**

Operasi ini melibatkan pelaku pasaran sama ada pelaku bank atau pelaku bukan bank berhubung dengan pihak lain dalam pasaran tanpa melalui sebarang perantaraan dalam memeterai kontrak urus niaga yang diingini. Kebiasaannya, cara ini diamalkan oleh institusi kewangan yang bukan ahli dalam pasaran antara

²⁰ Haji Mohidin Yahya, Tukaran asing dan Pasaran Wang: Teori dan Amalan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur. 1991, hlmn: 12

²¹ Ibid: 52-53

bank. Pasaran secara langsung ini merupakan sumber utama dana pada peringkat pasaran pertama.

- **Operasi pasaran antara bank**

Ia merupakan operasi pasaran peringkat kedua yang melibatkan bank perdagangan, bank saudagar dan beberapa syariah kewangan yang berlesen. Ia memerlukan broker sebagai perantaraan bagi bank dan institusi kewangan yang ingin menjalin sesuatu urusniaga.

2.1.8.4) Faktor Yang Mempengaruhi Pasaran wang

Keadaan pasaran amat sensitif terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya. Terdapat beberapa faktor yang mampu mempengaruhi senario pasaran wang tempatan:

- a) **Fenomena aliran keluar-masuk dana dalam pasaran**

Faktor ini berkait rapat dengan penawaran dana. Keadaan imbalan pembayaran sesebuah negara berupaya mempengaruhi kehadiran jumlah dana dalam pasaran. Imbalan yang defisit menjelaskan yang hasil eksport adalah rendah sekaligus menggambarkan wujudnya kurangan mudah tunai dalam negara. Dengan itu, kadar faedah pasaran wang akan naik akibat kurangnya penawaran dana. Selain itu, kekurangan dana dalam pasaran juga disebabkan oleh liabiliti kerajaan terhadap hutang asing yang perlu dibayar pada satu tempoh tertentu. Sebaliknya, aliran masuk modal asing akan meningkatkan mudah tunai pasaran dan menambahkan penawaran dana dalam negara.

b) Peranan Bank Negara dalam pasaran

Bank Negara Malaysia bertanggungjawab untuk menstabilkan keadaan pasaran jika berlaku sesuatu yang menggugat kestabilan pasaran tersebut. Misalnya, jika berlaku lebihan tunai yang banyak dalam pasaran sehingga menjelaskan kadar faedah dengan serius, Bank Negara Malaysia wajib mengurangkan penawaran dana melalui urusniaga pasaran terbuka supaya kadar faedah kembali stabil. Malah, kerajaan juga bertanggungjawab menjaga kestabilan nilai Ringgit Malaysia di pasaran tempatan dan antarabangsa.

c) Faktor bukan kewangan

Terdapat juga faktor bukan kewangan yang boleh menggugat kestabilan pasaran wang iaitu faktor politik. Kestabilan politik akan meningkatkan kenyakinan pelabur terhadap prospek pasaran wang tempatan. Keadaan politik yang stabil mampu membina satu pasaran ekonomi yang kukuh akan menarik perhatian pelabur untuk melabur dalam pasaran wang sesebuah negara agar ia boleh menghasilkan pulangan keuntungan yang tinggi dari pelaburannya.

2.1.8.5) Risiko Pasaran Wang

Seperti yang kita ketahui, walaupun pasaran ini berisiko rendah namun, kadang-kala pelabur terpaksa menghadapi kesulitan atau risiko tertentu seperti:

• **Risiko kredit**

Risiko jenis ini melibatkan urus niaga pemberian pinjaman di kalangan pelaku pasaran. Bank sebagai institusi yang memberi pinjaman terpaksa

berhadapan dengan kemungkinan pelabur gagal membayar balik pinjaman yang dibuat. Selain itu, bank dan institusi kewangan terpaksa berhadapan dengan kemungkinan kegagalan pengeluar bon menunaikan tanggungjawabnya pada tempoh matang instrumen tersebut. Oleh sebab itu, bagi memastikan pasaran wang tempatan menjadi tumpuan pelabur asing, risiko kredit dalam pasaran ini perlu diminimumkan.

- **Risiko kadar faedah**

Risiko ini sudah menjadi kebiasaan dalam pasaran wang. Ini kerana kadar pulangan bagi sesuatu pelaburan instrumen pasaran berkait rapat dengan kadar faedah dalam pasaran. Margin keuntungan pelaburan selalunya diukur berdasarkan perbezaan kadar hasil pelaburan dan kadar kos pembiayaan pelaburan. Jika kadar kos bergerak pantas melebihi kadar hasil, bank akan menanggung kerugian daripada pelaburan yang dibuat. Dengan itu, bank perlu menjalankan proses perlindungan nilai kadar faedah bagi mengurangkan risiko kadar faedah dalam pasaran.

2.1.9) PASARAN TUKARAN MATA WANG ASING

2.1.9.1) Takrif Pasaran Tukaran Mata Wang Asing

Pasaran tukaran mata wang asing boleh ditakrifkan sebagai satu pasaran kewangan yang mengkhususkan bidang operasinya dalam urusniaga pertukaran

antara satu mata wang dengan mata wang yang lain²². Lazimnya, institusi perbankan bertindak sebagai pengantara utama dalam proses ini. Segala urusniaga dalam pasaran ini dinyatakan dalam mata wang asing. Oleh itu, segala bentuk tuntutan penyelesaian dan pembayaran sesuatu urusniaga melibatkan pertukaran satu mata wang dengan mata wang negara lain.

Oleh sebab urusniaga pasaran ini melibatkan mata wang asing, maka ia memerlukan satu kadar tukaran mata wang tertentu dalam proses pertukaran dari satu mata wang kepada mata wang yang lain. Kadar tukaran ini adalah perlu bagi mencerminkan nilai mata wang tersebut berbanding dengan mata wang yang lain bagi memudahkan sesuatu urusniaga itu dijalankan. Maka, kadar tukaran mata wang asing boleh ditakrif sebagai penyataan nilai sesuatu mata wang dengan mata wang yang lain²³.

2.1.9.2) Urus Niaga Tukaran Mata Wang Asing

Umumnya, urus niaga pasaran tukaran mata wang asing dapat dikelaskan kepada tiga iaitu:

- **Urus niaga lani**

Urus niaga lani boleh diertikan sebagai urus niaga tukaran mata wang asing dalam bentuk jualan atau belian secara terus yang penyelesaian kontrak tersebut ditetapkan dua hari selepas tarikh kontrak urus niaga dimeterai²⁴. Ini bermakna, semua sebut harga tukaran mata wang asing yang tidak bersyarat akan

²² Ibid, hlmn: 81

²³ Ibid, hlmn: 92

²⁴ Ibid, hlmn: 126

menjelaskan mata wang yang diurusniagakan dalam masa dua hari selepas tarikh kontrak ditandatangani.

- **Urus niaga hadapan**

Urus niaga hadapan secara terus melibatkan serahan mata wang pada satu tarikh hadapan yang telah ditetapkan dan kontrak tersebut dimeterai pada satu tarikh lari yang khusus. Namun, kadang kala pihak yang terlibat dalam urus niaga hadapan tidak mengetahui tarikh serahannya atau kedua-dua pihak ingin mengubah tarikh serahan tersebut. Oleh itu, bagi mengatasi kesulitan ini, terdapat dua pilihan yang boleh diambil iaitu urus niaga opsyen hadapan yang memberi pilihan kepada bank untuk mengambil serahan mata wang pada bila-bila masa antara tarikh lari dan tarikh matang urus niaga hadapan dan kontrak hadapan opsyen yang membenarkan pihak yang terlibat untuk mendapatkan kadar harga yang lebih baik.

- **Urus niaga swap**

Urus niaga ini boleh didefinisikan sebagai proses pertukaran antara satu mata wang dengan satu mata wang yang lain secara serentak tetapi serahan mata wang tersebut dibuat pada satu masa yang berlainan²⁵. Selalunya, urus niaga jenis ini melibatkan urus niaga lari dan hadapan secara serentak. Urus niaga ini diwujudkan bagi mengurangkan risiko kejatuhan mata wang atau ketidakstabilan mata wang asing negara peminjam yang perlu dihadapi oleh bank.

²⁵ Ibid, hlmn: 145

2.1.9.3) Faktor Mempengaruhi Kadar Tukaran Mata Wang Asing

Berdasarkan teori, sebarang perubahan dalam kadar tukaran mata wang asing ditentukan oleh pertembungan antara keluk permintaan dan keluk penawaran bagi satu-satu mata wang asing dalam pasaran tukaran asing. Dengan itu, kita perlu tahu faktor-faktor yang mempengaruhi keadaan permintaan dan penawaran ini sehingga menyebabkan berlakunya turun naik kadar tukaran mata wang asing bagi satu-satu mata wang tersebut.

Pada hakikatnya, keadaanimbangan pembayaran sesebuah negara amat berkait rapat dengan situasi permintaan dan penawaran sesuatu mata wang. Mengikut teori, lebihan yang besar dalamimbangan pembayaran sesebuah negara akan mendesak kepada kenaikan permintaan yang besar terhadap mata wangnya yang akan menyebabkan kenaikan dalam kadar tukarannya. Namun, keadaan sebaliknya berlaku apabila wujud masalahimbangan defisit iaitu kejatuhan dalam kadar tukaran mata wang asing berikutan kurang permintaan terhadap mata wangnya. Walaubagaimana pun,imbangan pembayaran bukanlah menjadi penentu utama kepada keadaan kadar tukaran mata wang asing. Apa yang penting untuk dinilai ialah kecenderungan dan jangkaan yang wujud oleh pelaku pasaran yang berpunca daripada kedudukanimbangan tadi dan kaitannya dengan faktor lain yang turut memberi kesan kepada perlakuan pasaran.

Dalam jangka waktu pendek, pasaran tukaran mata wang asing amat dipengaruhi oleh sentimen, reaksi dan jangkaan pelaku pasaran terhadap apa yang

mungkin berlaku²⁶. Reaksi yang wujud mengkin bersifat peribadi tetapi ia mendorong pelaku pasaran bertindak terhadap unsur yang wujud dalam pasaran tersebut. Ini kerana, lazimnya pelaku pasaran akan meneliti dan menganalisis sesuatu peristiwa yang bukan sahaja dalam tempatan tetapi juga di luar negeri. Contohnya, perang teluk yang berlaku antara Amerika Syarikat dan Iraq pada tahun 1990. Pada peringkat awal, sentimen pasaran bimbang berlakunya kemerosotan dalam ekonomi Amerika Syarikat telah menyebabkan kejatuhan dalam Dolar Amerika Syarikat di pasaran tukaran asing. Namun, nilainya kembali naik apabila kemenangan memihak kepada Amerika Syarikat.

Sentimen ini juga peka terhadap segala tindakan dan perlaksanaan dasar kewangan kerajaan. Aliran keluar masuk modal asing dipengaruhi oleh kadar faedah antara mata wang sesebuah negara dengan mata wang negara lain. Kadar faedah yang tinggi menggalakkan kemasukan modal asing yang mana akan meningkatkan permintaan mata wang tempatan di samping menyebabkan kadar tukaran asing yang tinggi. Walaubagaimana pun, sebaliknya belaku apabila kadar faedah sesebuah negara itu rendah.

Selain itu, penawaran wang dalam negeri juga mempengaruhi kadar tukaran asing Ringgit Malaysia. Lebihan wang dalam pasaran mendorong peningkatan dalam perbelanjaan di kalangan masyarakat yang seterusnya akan meningkatkan permintaan terhadap barang pengguna. Fenomena ini akan meningkatkan jumlah import bagi memenuhi permintaan terhadap barang pengguna yang semakin meningkat. Di sini, akan wujudnya masalah defisit dalam imbalan pembayaran yang memberi tekanan secara tidak langsung ke atas nilai

²⁶ Ibid, hlmn: 98

Ringgit Malaysia. Kadar tukaran asing juga dipengaruhi oleh perbezaan kadar inflasi sesebuah negara. Infalsi yang tinggi mencerminkan harga barang tempatan juga tinggi. Impaknya, berlaku kekurangan dalam jumlah eksport negara sementara nilai import negara semakin meningkat. Situasi ini akan memberi tekanan kepada nilai mata wang sesebuah negara.

Dalam jangka waktu yang panjang pula, kadar tukaran mata wang asing dipengaruhi oleh perubahan dalam struktur ekonomi sesebuah negara. Keluaran Negara Kasar Malaysia yang positif yang berpunca daripada lebihan eksport bersih yang positif akan mengukuhkan kedudukan Ringgit Malaysia kerana jumlah eksport yang besar mencerminkan permintaan yang tinggi terhadap nilai Ringgit. Namun, jika kenaikan dalam Keluaran Negara Kasar berpunca daripada penggunaan dan pelaburan dalam negeri, ini mungkin menggambarkan kenaikan dalam import dan kejatuhan dalam eksport. Situasi ini akan melemahkan nilai Ringgit berbanding dengan mata wang lain.

Pertumbuhan ekonomi sesebuah negara memerlukan modal yang besar. Pertumbuhan modal akan meningkatkan produktiviti yang menyebabkan kenaikan permintaan dalam negeri. Situasi ini akan meningkatkan harga akibat dari tekanan permintaan yang seterusnya meningkatkan kos eksport dan mengurangkan kos import. Impaknya, imbalan pembayaran negara akan terjejas dan ini melemahkan kedudukan nilai Ringgit di pasaran asing. Tetapi, jika pertumbuhan modal berpunca daripada kemasukan modal asing, ini mungkin meningkatkan permintaan wang tempatan dan dapat memperbaiki kedudukan nilai Ringgit di pasaran tukaran asing.

2.1.9.4) Risiko Pasaran Tukaran Asing

Tidak seperti pasaran wang, risiko dalam pasaran tukaran asing lebih tinggi risikonya. Antara risiko-risiko dalam pasaran tukaran asing ialah:

- **Risiko mata wang**

Risiko mata wang berkait rapat dengan keteguhan atau kelemahan sesuatu mata wang berbanding dengan mata wang negara lain. Dalam usaha mengurangkan risiko mata wang, bank perlu berhati-hati dalam menjalankan urus niaga mata wang asing dengan menitikberatkan pergerakan kadar tukaran asing mata wang tersebut. Dengan itu, bank dapat mengetahui kedudukan mata wang tersebut dan keadaan permintaan dan penawaran mata wang itu dalam pasaran.

- **Risiko kredit**

Dalam urus niaga tukaran asing, risiko ini melibatkan kemungkinan ketidakupayaan pelanggan untuk memenuhi kontrak yang telah dimeterai dalam urus niaga tukaran mata wang asing.

- **Risiko negara**

Selain daripada memberi perhatian kepada kedudukan mata wang tersebut dalam urus niaga tukaran mata wang asing, kedudukan sesebuah negara mata wang itu juga perlu dinilai. Kekuahan politik dan ekonomi sesebuah negara dapat menghindari daripada berlakunya krisis ekonomi dan kewangan yang teruk yang mana akan menjelaskan kadar tukaran asing sesebuah negara itu.

2.2) SISTEM EKONOMI ISLAM

2.2.1) DEFINISI EKONOMI ISLAM

Sistem ekonomi Islam mempunyai banyak perbezaan dengan sistem ekonomi konvensional. Kedua-dua sistem ini dibina atas dasar, matlamat dan struktur yang berlainan antara satu sama lain. Pada asasnya, ekonomi Islam mengkaji peruntukan dan pengagihan sumber ekonomi dari perspektif Islam. Akhram Khan (1984: 55) mentakrifkan ekonomi islam sebagai satu kajian *al-falah* manusia melalui pengurusan sumber bumi berdasarkan kerjasama dan penyertaan. Bagi Hasanuzzaman (1984: 55) pula mendefinisikan ekonomi islam sebagai ilmu pengetahuan dan penggunaan perintah dan peraturan syariat demi melindungi ketidakadilan dalam perolehan dan penggunaan sumber asli bagi tujuan memenuhi kepuasan manusia dan membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah dan masyarakat seluruhannya. Manakala, Masadul Alam Choudhury (1986: 4) telah mentakrifkan ekonomi islam sebagai satu kajian sejarah, empirik dan teori bagi menganalisis keperluan manusia dan masyarakat berdasarkan panduan sistem nilai Islam. Sementara Mannan (1980: 36) telah menganggap ekonomi Islam sebagai sains sosial yang mengkaji masalah ekonomi yang berpegang pada nilai Islam²⁷.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa, ekonomi islam bersifat menyeluruh yang bukan sahaja tertumpu kepada faktor-faktor ekonomi malah, merangkumi

²⁷ Surtahman Kastin Hasan, Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2001, hlmn:19

faktor-faktor bukan ekonomi seperti nilai akhlak, etika, sosial, dan politik yang sama-sama berperanan dalam pencapaian kesejahteraan yang berkekalan.

2.2.2) CIRI-CIRI EKONOMI ISLAM

Ciri-ciri ekonomi Islam dibina berdasarkan ciri-ciri asas Islam kerana pembinaan ekonomi Islam berdasarkan kepada sumber hukum Islam yang utama iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah. Selain itu, sumber selain daripada Al-Quran dan Al-Sunnah ialah dalam bentuk ijmak, qias, ijтиhad, perjalanan sahabat, istihsan, dan uruf. Berdasarkan sumber ekonomi Islam di atas, ciri-ciri ekonomi Islam dapat digariskan seperti di bawah²⁸:

- a) Ekonomi yang berasaskan Al-Quran dan Al-Sunnah.
- b) Sebahagian daripada keseluruhan sistem kehidupan Islam yang lengkap dan sempurna yang mampu menyelesaikan masalah keperluan kehidupan manusia dan seluruh alam.
- c) Menyeimbangkan kepentingan individu dan masyarakat. Walaubagaimana pun, Islam mendahulukan kepentingan umum daripada kepentingan individu.
- d) Meskipun kegiatan ekonomi bersifat kebendaan tetapi ia tetap bercorak kerohanian. Ekonomi Islam tidak memisahkan faktor kebendaan daripada faktor kerohanian.
- e) Bersifat tetap dan dinamik menjadikannya sentiasa sesuai diamalkan sepanjang zaman dan masa.

²⁸ Ibid, hlmn: 24-25

- f) Asas hukum ekonomi Islam yang berpandukan kepada Al-Quran dan Al Sunnah yang terjamin keasliannya hingga hari kiamat menjadikan ekonomi Islam sentiasa sesuai sepanjang zaman.

2.2.3) STRUKTUR SISTEM EKONOMI ISLAM

Pada hakikatnya, sesebuah sistem ekonomi terbentuk apabila terdapat tiga elemen yang utama dalam sistem tersebut yang membezakannya daripada sistem-sistem ekonomi yang lain. Elemen-elemen tersebut terdiri daripada asas falsafah, asas ekonomi mikro dan paradigme.

2.2.3.1) Asas Falsafah Ekonomi Islam

Asas falsafah merupakan satu fundamental kepercayaan sesuatu sistem yang merangkumi prinsip-prinsip asas yang perlu diikuti oleh masyarakat. Ia menjadi perintis dalam pembentukan rangka struktur sesuatu sistem. Menurut Muhammad Nejatullah Siddiqi (1990), terdapat empat perkara pokok kepada falsafah ekonomi Islam iaitu²⁹:

- Perhubungan manusia dengan Allah**

Perhubungan antara manusia dengan Allah didefinisikan sebagai '*Tauhid*'. *Tauhid* adalah satu pengakuan bahawa Allah itu Esa dan bersifat *Rabb* iaitu tiada satu yang serupa dengannya dalam segala bentuk sama ada bilangan atau sifat. Allah merupakan Maha Pencipta, Maha Pemilik, Maha Pemerintah, Pemberi

²⁹ Radiah Abdul Kader, *Ekonomi Islam*, Univision Press Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 2001, himn: 8

Rezeki dan Pemusnah. Sebagai hambanya, Muslim hanya perlu patuh pada Allah dan kepatuhan ini dapat direalisasikan melalui perbuatan meninggalkan perkara mungkar dan melaksanakan segala suruhannya.

- **Perhubungan manusia sesama manusia**

Islam menekankan aspek keadilan dalam mendapatkan peluang-peluang ekonomi iaitu setiap orang mempunyai hak yang sama untuk menyertai mana-mana bidang ekonomi. Persamaan dalam peluang tidak akan diperoleh jika ia diikuti dengan perbuatan yang tidak beretika seperti penindasan, penipuan, riba, sorokan, monopoli dan sebagainya. Islam menggalakkan penganutnya menjalankan kegiatan ekonomi berteraskan nilai-nilai akhlak yang positif seperti adil dan amanah.

- **Hubungan manusia dengan alam ini**

Asas ini menggariskan dua prinsip teras ekonomi Islam iaitu Allah adalah pemilik mutlak semua sumber ekonomi dan manusia adalah pemegang amanah (khalifah) Allah di bumi. Sebagai pemegang amanah, manusia tidak mempunyai hak untuk menggunakan anugerah Allah sewenang-wenangnya, Sebaliknya, ia diuruskan berdasarkan ketetapan Allah sebagai penciptanya.

- **Tujuan manusia di muka bumi ini**

Berteraskan konsep tauhid, tujuan hidup muslim di dunia ini adalah semata-mata untuk beribadat kepada Allah. Tetapi ini tidak bermakna ia hanya meliputi ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji. Sebaliknya, ianya juga merangkumi ibadat umum termasuklah kegiatan ekonomi.

2.2.3.2) Asas Mikro

Asas mikro ini merujuk kepada perilaku setiap unit pembuat keputusan pada peringkat mikro seperti pengguna, isi rumah dan pengeluar. Dalam ekonomi Islam, analisis pengguna dan pengeluar mestilah bertepatan dengan prinsip tauhid dan sebagai khalifah di bumi ini. Berbeza dalam sistem kapitalis, analisis pengeluar dan pengguna mencerminkan pasaran bebas tanpa campur tangan kerajaan atau *laissez-faire*. Dalam Islam, keuntungan dapat dilihat dari dua sudut iaitu nilai ekonomi yang berbentuk utiliti dan dari nilai kerohanian iaitu dalam bentuk balasan pahala yang telah dijanjikan oleh Allah atas segala perbuatan baik yang telah dilaksanakan di dunia. Konsep tauhid dalam Islam lebih menekankan kepentingan rohani berbanding kepuasan ekonomi. Seseorang muslim mempunyai tanggungjawab mengambil apa yang telah ditentukan haknya sahaja dan tidak dibenarkan mengambil hak orang lain. Atas sebab itu, Islam melarang amalan riba, judi, spekulasi dan monopoli yang boleh menghalang kepada kewujudan persamaan peluang dan hak dalam ekonomi³⁰.

2.2.3.3) Paradigme Ekonomi Islam

Paradigme merujuk kepada mekanisme pelaksanaan yang mengandungi prinsip, peraturan, model dan syarat bagaimana sesuatu masalah asas itu boleh diselesaikan. Setiap sistem ekonomi beroperasi dengan paradigmanya yang tersendiri. Sistem ekonomi kapitalis bergerak dalam paradigme ekonomi pasaran,

Ibid, hlmn: 23

sistem ekonomi sosialis beroperasi dalam paradigme Marxian (perancangan pusat) manakala sistem ekonomi Islam dilaksanakan dalam paradigme *Syariah*³¹.

Terdapat empat kriteria utama dalam paradigme ekonomi Islam yang berlandaskan *Syariah* iaitu³²:

- Sistem Hakmilik: Pemilikan persendirian di bawah kawalan *Syariah*.
- Peruntukan Sumber: Mekanisme ekonomi pasaran berlandaskan keadilan.
- Agihan Pendapatan: Perbezaan yang adil dalam agihan pendapatan.
- Peranan Kerajaan: Campurtangan kerajaan untuk menjamin kepentingan sosial

Oleh itu, *Syariah* merupakan satu set peraturan, prinsip dan nilai yang menyediakan kaedah bagi umat Islam melaksanakan kehidupan dan menyelesaikan masalah baru yang dihadapi selaras dengan perintah Allah dan bersesuaian dengan kehendak zaman mereka.

2.2.4) EKONOMI KEWANGAN

2.2.4.1) Wang Dalam Islam

Kebanyakan ahli ekonomi mendefinisikan wang berdasarkan empat fungsi klasiknya iaitu sebagai alat pertukaran, pengukur nilai, penyimpan nilai dan media

³¹ Perkataan *Syariah* diambil dari kata dasar *syara'ah* yang bermaksud jalan yang diikuti. Oleh itu *Syariah* Islam bermaksud jalan yang harus dilalui oleh seseorang Muslim.

³² Radiah Abdul Kader, *Ekonomi Islam*, Univision Press Sdn.Bhd, Kuala Lumpur, 2001, hlmn: 27

bayaran tertunda. Dalam Islam, larangan pengenaan bunga dan pembayaran zakat telah melenyapkan tujuan pemegangan wang tunai untuk spekulasi. Faktor ini meluaskan fungsi wang sebagai media pertukaran. Wang juga seperti aset-aset lain mengalami susut nilai. Susut nilai ini berlaku 2.5% setiap tahun (iaitu disusutkan dengan kadar 2.5% zakat). Ia menjadikan wang terus beredar dalam pasaran tanpa ada berlakunya pembekuan. Walaubagaimana pun, wang merupakan satu-satunya alat pengukur nilai yang tidak tetap³³. Abu Saud (1981: 61) mengulas yang kegagalan ini berpunca daripada ketidakupayaan wang berfungsi sebagai media pertukaran, membenarkan individu memegang wang tanpa dikenakan kos dan ia dicipta hanya melalui penciptaan kredit.

2.2.4.2) Permintaan dan Penawaran Wang

Dalam Islam pemegangan wang tunai untuk tujuan spekulasi adalah tidak penting berikutan larangan pengenaan bunga dan pembayaran zakat dalam Islam. Selain itu, konsep Islam yang mementingkan kebajikan dan keadilan sosial akan mengurangkan secara tidak langsung keperluan pemegangan wang untuk tujuan awasan. Dalam Islam, pemegangan wang melibatkan kos iaitu³⁴:

- 1) Kos melepas, iaitu keuntungan lain, contohnya keuntungan pelaburan yang terpaksa dilepaskan kerana memegang wang.

³ Surtahman Kastin Hasan, Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2001, hlmn: 132

⁴ Ibid, hlmn: 133

- 2) Kos zakat iaitu 2.5% zakat yang terpaksa dibayar kerana membekukan wang.
- 3) Kos tabungan, kesulitan serta kebimbangan kerosakan, kemusnahan, atau kecurian.
- 4) Kos pengorbanan yang memaksa pemegangnya melepaskan sebahagian daripada penggunaan semasa.

Dalam soal penawaran wang pula, Bank Pusat diberi kepercayaan penuh oleh kerajaan dalam mengurus penawaran wang dalam negara berpandukan kepada dasar yang sesuai dengan keadaan ekonomi. Sementara itu, bank perdagangan dapat mempengaruhi jumlah edaran wang dalam pasaran melalui perkhidmatan kewangan yang diberikannya. Malah, gelagat masyarakat dalam aktiviti ekonomi juga mampu meninggalkan kesan ke atas penawaran wang dalam ekonomi.

2.2.4.3) Institusi Kewangan

Institusi kewangan Islam boleh dikelaskan kepada empat bentuk iaitu bank, bukan bank, institusi kebajikan dan institusi pengawas.

- **Bank Perdagangan**

Dalam ekonomi Islam, bank perdagangan yang dimaksudkan ialah bank-bank Islam yang beroperasi bebas daripada amalan unsur riba. Sistem bank Islam menitikberatkan aspek daya pengeluaran terutamanya melalui kaedah perkongsian

untung antara bank dan pihak pengguna wang. Fundamental dalam bank Islam ialah konsep keuntungan melalui amalan musyarakah atau mudarabah dan bukannya bunga yang dikenakan ke atas pinjaman. Secara umumnya, dalam perbankan konvensional, sumber modal bagi bank adalah dari sumber saham, urusniaga tabungan dan tabungan pelaburan (Khan dan Mirakor 1989: 41-42). Sementara Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pula mengelaskan sumber berikut kepada akaun semasa, akaun tabungan dan akaun pelaburan (Bank Islam Malaysia Berhad 1983: 13-15)³⁵.

Dalam aspek penggunaan dana pula, bank akan menggunakan dana terkumpulnya mengikut beberapa keperluan penggunaan seperti rizab, hutang dan pelaburan. Dari segi keperluan rizab, ia dikelaskan kepada tiga kategori iaitu rizab tunai yang melibatkan sejumlah tertentu harta cair bank yang perlu disimpan dalam bank bagi memenuhi kehendak pelanggan untuk tujuan pengeluaran, pelaburan atau pinjaman pelanggan; rizab bank yang melibatkan simpanan oleh bank di Bank Pusat dan rizab kerajaan yang membolehkan kerajaan menjalankan projek-projek pelaburan dan sosial yang tidak menarik minat pihak swasta melakukannya.

Sementara itu, penggunaan dana untuk pelaburan melibatkan pelaburan langsung dan pelaburan penyertaan. Pelaburan langsung seperti berikut:

- a) Pelaburan Mudarabah (jual beli tambahan untung)

Bank membeli sesuatu barang dan menjualkannya kepada pembeli pada harga yang boleh menutup kos asal bersama tambahan keuntungan.

³⁵ Ibid, hlmn: 135

b) Ba'i Bi-thaman Ajil (jualan harga tangguh)

Pembelian sesuatu aset oleh bank bagi memenuhi kehendak pelanggan. Pelanggan akan membayar aset tersebut secara ansuran untuk satu tempoh tertentu. Harga jualan aset oleh bank telah mengambil kira kos belian dan margin keuntungan bank. Harga jualan ini telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

c) Jual Saham (jualan secara tempahan)

Pembeli membayar seluruh harga barang sedangkan penjual menangguhkan penyerahan barang tersebut. Jual beli ini sah sekiranya beberapa syarat dipenuhi iaitu sifat barang telah nyata, ditetapkan jumlah atau kadar dan tempat penyerahannya.

d) Ba'i ul Takjiri (sewa jual)

Dalam pembiayaan ini, kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa sehingga satu masa tertentu pelanggan akan membeli aset itu daripada bank pada kadar harga yang dipersetujui. Jumlah sewa yang telah dibayar sebelumnya akan diambil kira sebagai sebahagian daripada harga pembelian.

Pelaburan penyertaan pula bersifat perkongsian pelaburan dengan pengusaha-pengusaha tertentu. Misalnya:

a) Musyarakah

Bank bersama pelanggan masing-masing menyumbangkan modal dalam projek yang akan dijalankan di atas dasar perkongsian. Masing-masing ahli

kongsi berhak dalam pengurusan projek tersebut dan keuntungan akan dibahagikan berdasarkan kadar yang telah dipersetujui.

b) Penyertaan Ekuiti

Bank membeli saham syarikat yang menjalankan projek-projek tertentu.

c) Mudarabah

Bank membekalkan sepenuhnya modal berbentuk wang kepada pengusaha. Bank cuma berhak mengawasi pengusaha dan boleh menarik balik modalnya sekiranya pengusaha menyeleweng. Keuntungan daripada urusniaga ini dibahagikan berdasarkan apa yang telah dipersetujui. Segala kerugian akan ditanggung oleh bank kecuali jika kerugian disebabkan oleh kecuaian pengusaha.

Selain itu, bank juga bertanggungjawab mengeluarkan surat jaminan kepada pihak ketiga bagi menjelaskan hutang pelanggan atau membayar gantirugi bagi pihak pelanggan. Bank mungkin mengkehendaki pelanggan meletakkan sejumlah deposit dalam banknya berlandaskan hukum wadi'ah di samping mengenakan komisyen dan perbelanjaan mengurus yang lain yang berkait dengan perkhidmatan ini.

Dalam ekonomi Islam ada digariskan prinsip qardh ul-hasan atau hutang kebijakan. Dalam hal ini, bank tidak akan meminta pembayaran balik melebihi jumlah pinjaman pokok. Namun, pelanggan digalakkan memberi sedikit hadiah kepada bank atas perkhidmatan yang telah diberikan itu. Sistem bank Islam juga menyediakan perkhidmatan lain seperti yang ditawarkan oleh bank perdagangan biasa yang tidak melanggar hukum syariat seperti pengiriman dan pemindahan

wang, jual beli mata wang asing, pengurusan pelaburan dan khidmat pemegang amanah dan khidmat syarikat nomini.

- **Institusi Bukan Bank**

Institusi ini merangkumi syarikat-syarikat kewangan, syarikat pelaburan, syarikat amanah pelaburan, syarikat insuran, koperasi dan bank simpanan. Syarikat kewangan merupakan sebuah badan kewangan yang memperolehi dana daripada penjualan saham dan akaun simpanan pelaburan. Manakala, syarikat pelaburan lebih menumpu kepada projek-projek pelaburan yang mendatangkan keuntungan dan hasil keuntungan yang diperolehi akan diagihkan antara syarikat, penyimpan dan pemegang saham. Aktiviti perniagaannya mengguna pakai kaedah musyarakah dan mudarabah. Syarikat Amanah Pelaburan pula tertumpu kepada kegiatan membeli saham pelbagai syarikat yang terlibat secara pelaburan ekuiti. Sementara itu, syarikat insuran pula merupakan sebuah syarikat yang memperolehi dana melalui caruman peserta-peserta takaful dan penjualan saham. Manakala, Bank Simpanan merupakan sebuah bank yang hanya menerima wang peserta dalam bentuk akaun simpanan tabungan. Bank melaburkan dana tersebut untuk mendapatkan keuntungan dan pembahagian keuntungan kepada penyimpan adalah terpulang kepada bank.

- **Institusi Kebajikan**

Institusi jenis ini bukan hanya mementingkan keuntungan sahaja tetapi juga menitikberatkan soal kebajikan yang melibatkan perkhidmatan dan bantuan kepada golongan tertentu. Institusi-institusi seperti ini terdiri daripada kumpulan

wang persaraan (KWSP), pajak gadai dan institusi amal jariyah (misalnya Yayasan Pembangunan Ekonomi Malaysia).

- **Institusi Pengawas (Bank Pusat)**

Seperti dalam ekonomi konvensional, peranan Bank Pusat juga penting dalam ekonomi Islam iaitu bertindak sebagai pengawal dan mengawasi semua kegiatan kewangan agar aliran dana dan penggunaannya dapat dilaksanakan secara efektif serta menepati kehendak syariat.

- **Baitulmal**

Fungsi badan ini seperti Bank Pusat iaitu bertindak sebagai pengawas kepada perjalanan ekonomi negara. Namun, pengawasannya lebih menumpu kepada sistem fiskal berbanding Bank Pusat yang menumpu kepada pengurusan kewangan negara.

2.2.4.4) Polisi Kewangan Menurut Ekonomi Islam

Ekonomi konvensional mentakrifkan polisi kewangan sebagai langkah-langkah kerajaan di dalam mempengaruhi kadar bunga dan bekalan wang dengan tujuan untuk menjaga kestabilan ekonomi agar aktiviti ekonomi mencapai tingkat yang tinggi sehingga pengangguran dapat diminimumkan³⁶. Matlamat polisinya adalah untuk mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang optimum, guna tenaga penuh dan kestabilan harga. Matlamat ini hampir sama dengan matlamat polisi kewangan Islam. Apa yang berbeza ialah polisi kewangan Islam lebih

³⁶ Joni Tamkin bin Borhan, Polisi Kewangan Menurut Perspektif Ekonomi Islam, Jurnal Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002, hlmn: 71

wang persaraan (KWSP), pajak gadai dan institusi amal jariyah (misalnya Yayasan Pembangunan Ekonomi Malaysia).

- **Institusi Pengawas (Bank Pusat)**

Seperti dalam ekonomi konvensional, peranan Bank Pusat juga penting dalam ekonomi Islam iaitu bertindak sebagai pengawal dan mengawasi semua kegiatan kewangan agar aliran dana dan penggunaannya dapat dilaksanakan secara efektif serta menepati kehendak syariat.

- **Baitulmal**

Fungsi badan ini seperti Bank Pusat iaitu bertindak sebagai pengawas kepada perjalanan ekonomi negara. Namun, pengawasannya lebih menumpu kepada sistem fiskal berbanding Bank Pusat yang menumpu kepada pengurusan kewangan negara.

2.2.4.4) Polisi Kewangan Menurut Ekonomi Islam

Ekonomi konvensional mentakrifkan polisi kewangan sebagai langkah-langkah kerajaan di dalam mempengaruhi kadar bunga dan bekalan wang dengan tujuan untuk menjaga kestabilan ekonomi agar aktiviti ekonomi mencapai tingkat yang tinggi sehingga pengangguran dapat diminimumkan³⁶. Matlamat polisinya adalah untuk mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang optimum, guna tenaga penuh dan kestabilan harga. Matlamat ini hampir sama dengan matlamat polisi kewangan Islam. Apa yang berbeza ialah polisi kewangan Islam lebih

³⁶ Joni Tamkin bin Borhan, Polisi Kewangan Menurut Perspektif Ekonomi Islam, Jurnal Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002, hlmn: 71

menitikberatkan keadilan sosial dan kesejahteraan dalam pembagunan ummah berbanding polisi kewangan konvensional.

Ekonomi Islam telah menggariskan beberapa matlamat polisi kewangan Islam seperti di bawah³⁷:

- 1) Kebajikan ekonomi melalui pencapaian tingkat guna tenaga penuh dan kadar pertumbuhan optimum
- 2) Keadilan sosio-ekonomi dan kesaksamaan pengagihan pendapatan dan kekayaan
- 3) Mengelakkan kestabilan nilai wang bagi membolehkan wang menjalankan fungsinya dengan sempurna
- 4) Mengguna dan melaburkan tabungan untuk mencapai pembagunan ekonomi yang adil dan pulangannya dapat dinikmati oleh semua pihak
- 5) Penyediaan perkhidmatan sistem urusan bank dengan cara yang berkesan.

Seperti dalam ekonomi konvensional, dalam usaha untuk mencapai matlamatnya, ekonomi Islam juga menggariskan beberapa instrumen dasar kewangan yang bertujuan mengawasi penawaran wang agar selari dengan permintaan wang benar, memenuhi keperluan-keperluan membiayai defisit-defisit sejati kerajaan dan untuk mencapai lain-lain matlamat sosio-ekonomi masyarakat

³⁷ Ibid, hlmn: 72

Islam³⁸. Oleh sebab itu, instrumen-instrumen yang terlibat dalam dasar kewangan merangkumi unsur-unsur seperti:

- **Sasaran pertumbuhan M³⁹ dan Mo⁴⁰**

Bank Pusat Islam berperanan mengawal pertumbuhan penawaran wang (M) dan wang berkuasa tinggi iaitu Mo. Tindakan dan peranan ini penting bagi memastikan ia sentiasa selari dengan prestasi ekonomi dan arah aliran harga sumber-sumber yang dihasilkan melalui kuasa Bank Pusat dalam mencipta Mo hendaklah disalurkan dalam satu nilai Islam yang berpandukan kepada kebijakan sosial dalam masyarakat Islam.

- **Saham awam ke atas deposit permintaan**

Bank perdagangan perlu menyalurkan satu kadar tertentu daripada deposit permintaan di banknya kepada kerajaan bagi membantu kerajaan melaksanakan projek-projek yang mendatangkan faedah sosial apabila kontrak perkongsian untung tidak dapat dilaksanakan.

- **Keperluan rizab berkanun (*statutory reserve requirement*)**

Bank bertanggungjawab menyimpan sejumlah tertentu daripada deposit permintaannya sebagai rizab berkanun di dalam bank pusat dengan nisbah 10%-20% daripada nilai deposit permintaannya. Keperluan ini diwujudkan bagi memastikan kecukupan kecairan dalam sistem urusan bank.

³⁸ Jomi Tamkin bin Borhan, Polisi Kewangan Menurut Perspektif Ekonomi Islam, Jurnal Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002, himn: 76

³⁹ M ialah stok wang dalam sistem ekonomi kewangan Islam yang terdiri daripada mata wang dan deposit semasa, deposit tabungan dan tetap di bank-bank perdagangan

⁴⁰ Mo ialah wang berkuasa tinggi yang terdiri daripada mata wang (wang kertas dan syiling) dan deposit rezab bank-bank perdagangan di Bank Pusat Islam.

- **Siling kredit (*credit ceiling*)**

Ia membantu Bank Pusat mencapai pengembangan dalam wang berkuasa tinggi. Oleh itu, siling kredit perlu ditetapkan ke atas kredit bank-bank perdagangan dalam usaha memastikan jumlah penciptaan kredit adalah selari dengan sasaran selain bagi memastikan pembahagian siling di antara bank-bank perdagangan akan terlaksana tanpa wujud persaingan yang tidak sihat antara mereka.

- **Pembahagian kredit berorientasikan nilai**

Kredit bank adalah kredit yang wujud daripada dana yang dimiliki oleh orang awam untuk membantu meningkatkan kebajikan masyarakat. Pembahagian dalam sumber-sumber ini mestilah ke arah merealisasikan pencapaian masyarakat Islam di samping mencapai pemaksimuman keuntungan dalam sektor swasta.

Berdasarkan huraian di atas, kita dapat lihat ekonomi Islam dibina atas asas nilai keadilan, dermawan dan sedia berkorban sedangkan ekonomi konvensional lebih berpegang kepada konsep pentingkan diri sendiri yang menimbulkan sifat tamak dan individualistik.

2.3 PERBEZAAN METODOLOGI EKONOMI KONVENTIONAL DAN EKONOMI ISLAM

Sistem ekonomi konvensional dan sistem ekonomi Islam adalah dua sistem yang cukup berbeza kerana diasaskan oleh dua fahaman yang berbeza di mana ekonomi konvensional lebih menggunakan pemikiran yang rasional

sedangkan ekonomi Islam bertunjangkan kepada asas-asas agama Islam. Oleh sebab itu, terdapat banyak perbezaan dari segi metodologi antara kedua-dua sistem ini. Walaupun setiap ahli-ahli ekonomi konvensional mempunyai pandangan yang berbeza tentang konsep ekonomi tetapi pada dasarnya mereka bersetuju dengan tiga pekara berikut iaitu⁴¹:

- Setiap manusia secara semula jadi memang mementingkan diri sendiri dan bertindak secara rasional.
- Matlamat utama kehidupan manusia adalah mengejar kemajuan dan kebendaan.
- Kecenderungan manusia untuk memenuhi keperluan kebendaannya dan memiliki pengetahuan yang sempurna untuk membuat keputusan.

Malangnya, ketiga-tiga asas ini ditolak oleh ekonomi Islam. Islam mempunyai pandangan yang berbeza terhadap pekara-pekara di atas dan diterangkan dengan jelas seperti di bawah:

- Manusia tidak dilahirkan dengan sifat pentingkan diri sendiri secara semula jadi. Jika dilihat pada bukti empirik sepanjang sejarah tamadun manusia, manusia memiliki semangat ‘Altruistic’ iaitu mengutamakan kepentingan orang lain berbanding diri sendiri. Ajaran Islam sendiri mengajar penganutnya supaya sanggup berkorban untuk orang lain. Sifat ini boleh dipraktikkan melalui sedeqah, infaq, takaful, baitulmal dan lain-lain lagi. Malah,

⁴¹ Joni Tamkin b. Borhan, Metodologi Ekonomi Islam: Satu Analisis Perbandingan, Jurnal Usuluddin, Bil 15 (2000), hlmn: 74

sifat ini juga dimiliki oleh orang bukan Islam. Misalnya, di Amerika pada tahun 1986 terdapat lebih kurang 22 000 pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti kebajikan. Ini membuktikan sudah tentulah manusia secara semulajadi tidak pentingkan diri sendiri seperti mana yang dinyatakan oleh ahli-ahli ekonomi konvensional.

- Ekonomi Islam tidak bermatlamatkan kebendaan. Matlamat ekonomi Islam ialah mencapai *Al-falah* iaitu kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Ini tidak bermakna Islam menolak kekayaan dan kebendaan yang penting dalam kehidupan manusia. Sebaliknya ekonomi Islam tidak memisahkan matlamat kebendaan dan kerohanian. Sedangkan matlamat ini dalam ekonomi konvensional adalah sesuatu yang baru memandangkan bagi golongan ini, kejayaan ekonomi itu diukur kepada harta kekayaan dan wang ringgit yang dapat dikumpul dari kegiatan ekonomi seperti pengeluaran, pelaburan dan kepuasan hasil penggunaan barang dan perkhidmatan yang tersedia dalam ekonomi.
- Islam menolak yang manusia mempunyai pengetahuan yang cukup sempurna terhadap sesuatu keputusan. Dalam Islam hanya Allah yang Maha Sempurna pengetahuannya memandangkan dia lahir Maha Pencipta segala alam. Al-Quran juga menjelaskan yang manusia tidak mempunyai pengetahuan yang sempurna terhadap sesuatu dalam kehidupannya. Sekiranya kita meneliti dalam

ekonomi dunia kini, jika kita memiliki pengetahuan yang sempurna, sudah tentu manusia dapat mengelakkan daripada berlakunya krisis ekonomi. Apa yang kita dapat lihat dekad 90an sahaja, ada tiga gelombang krisis kewangan termasuk krisis kewangan Asia. Maka, anggapan ahli-ahli ekonomi konvensional yang manusia memiliki pengetahuan yang sempurna adalah sukar untuk dibuktikan.

Oleh sebab itu, boleh disimpulkan bahawa ketiga-tiga asas metodologi ekonomi konvensional boleh menjadi pembuka jalan kepada krisis ekonomi memandangkan sifat pentingkan diri sendiri dan matlamat kebendaan yang dipegang oleh mereka.

2.4 KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang nyata antara sistem ekonomi Islam dan sistem ekonomi konvensional (rujuk Rajah 2). Tidak dapat dinafikan sistem ekonomi konvensional mampu memajukan sesebuah negara yang mundur dan lemah. Namun, sistem ini perlu membentuk satu dasar yang sesuai bagi membolehkan ekonomi dunia berhadapan dengan cabaran baru akibat globalisasi yang membentuk dunia tanpa sempadan. Sistem ekonomi konvensional yang mengamalkan bunga ditambah pula memberikan perdagangan mata wang secara meluas telah memberi impak yang buruk kepada ekonomi dunia akibat krisis mata

wang yang melanda negara-negara Asia baru-baru ini. Kelemahan-kelemahan yang ada pada sistem ekonomi konvensional ini telah membuka jalan kepada perkembangan sistem ekonomi Islam. Kini, Malaysia sendiri terus berusaha mengembangkan sistem ekonomi Islam yang mementingkan keadilan dalam sosio-ekonomi, kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan dan pendapatan dan kestabilan nilai mata wang.

Rajah 2
Perbezaan Antara Sistem Ekonom Islam Dan Ekonomi Konvensional

Ekonomi Islam	Ekonomi Konvensional
Paradigme - berasaskan Syariah	Paradigme – berasaskan Ekonomi Pasaran
Asas Mikro – Muslim yang bermatlamat mencapai <i>Al-falah</i> Asas Falsafah – Berasaskan tauhid dan manusia hanya sebagai khalifah yang bertanggungjawab memaknurunkan bumi berpandukan hukum yang ditetapkan	Asas Mikro – Manusia ekonomi yang mengutamakan kepentingan diri sendiri Asas Falsafah – Laissez-faire dan bersifat individualisme yang mementingkan diri sendiri untuk mendapat utiliti.
Matlamat – mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang optimum, guna tenaga penuh, kestabilan harga dan mendapat kesejahteraan dunia dan akhirat	Mencapai pertumbuhan ekonomi yang optimum, guna tenaga penuh, dan kestabilan harga
Teori Kewangan – Sistem perkongsian untung bagi mengantikan bunga dan mementingkan daya pengeluaran selain daripada keuntungan dari sesebuah projek	Teori Kewangan – Sistem berasaskan bunga dan lebih menitikberatkan kebolehan penghutang membayar balik hutang.